

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Duopharma Marketing Sdn. Bhd., dalam semua operasinya akan memastikan perlindungan keselamatan dan kesihatan bagi semua individu yang terlibat dalam aktiviti aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam syarikat

Syarikat menganggap pengurusan risiko terhadap keselamatan dan kesihatan yang proaktif adalah elemen asas dalam kejayaan jangka panjang. Pelaksanaan dasar syarikat adalah untuk mengurus dan melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja serta keluarga mereka, pelanggan, pelawat dan mana-mana orang awam yang mungkin terjejas oleh operasi kami.

Selaras dengan Dasar ini, syarikat akan:

- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan tempatan yang berkaitan dan akan mengambil langkah-langkah sesuai yang perlu bagi memastikan pematuhan
- Menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta melaksanakan sistem dan prosedur bagi memastikan pematuhan kepada keperluan perundangan dan standard kesihatan dan keselamatan Syarikat
- Memperkasakan dan mempertanggungjawabkan semua pengurus dan penyelia ke atas keselamatan dan kesihatan orang bawahan mereka dengan memastikan pematuhan yang tegas kepada semua peraturan yang terbabit
- Memastikan semua loji, peralatan dan bahan-bahan serta proses mempunyai prosedur yang berkaitan untuk operasi, penyelenggaraan dan juga penggunaan yang selamat
- Menjangka, mengenalpasti dan menilai faktor-faktor risiko keselamatan dan kesihatan yang berpotensi untuk memberi kesan kepada pekerja dan orang awam, dan mengamalkan langkah-langkah yang bersesuaian untuk menghapuskan, mengawal atau mengurangkan risiko-risiko tersebut
- Mengekalkan secara praktikal kadar pencapaian sifar kemalangan yang perlu dilaporkan di tempat kerja
- Memastikan semua kakitangan menjalankan tanggungjawab mereka untuk menjamin keselamatan mereka sendiri dan juga keselamatan orang lain yang disebabkan oleh aktiviti mereka.



Leonard Ariff Abdul Shatar
Pengarah Urusan Kumpulan
Endorsed : 2nd April 2019